



Hukum Zakat Dalam Islam

Dan Segala Pecahannya

Osman bin Haji Saleh, Pulau Pinang bertanya:

tentang “hukum zakat dalam Islam dan segala pecahannya” dengan huraian yang lanjut. Harap diterangkan mengikut empat mazhab.

Jawab:

Takrif Zakat

“Zakat” dalam bahasa Arab ertinya: ((pengembang)) dan ((pembersih)) demikian juga maknanya yang terpakai pada syarak. Makna yang pertama memberi pengertian, bahawa apabila zakat itu dikeluarkan maka harta yang dizakatkan itu akan kembang dan bertambah-tambah (kerana Allah Ta‘ālā melimpahkan berkat-Nya kepada harta itu), atau dengan makna bahawa pahalanya berganda-ganda disebabkan zakat yang dikeluarkan, atau dengan makna zakat itu berkait dengan harta benda yang lazimnya kembang dan bertambah-tambah seperti barang perniagaan dan tanaman-tanaman. Dalilnya berdasarkan hadis: “*Ma naqasha mālan min sadaqah*”, ertinya: “Tiada berkurangan harta kerana sedekah”. Yakni harta seseorang itu tidak akan berkurangan disebabkan dia mengeluarkan zakatnya yang diwajibkan Allah, atau kerana dia bersedekah dan menderma untuk kebajikan am, malah hartanya itu akan bertambah kembang kerana mendapat berkat Allah Ta‘ālā di dunia dan mendapat pahala yang berganda-ganda pula di akhirat kelak.

Makna yang kedua (pembersih) pula memberi pengertian bahawa zakat itu membersihkan jiwa dari sifat bakhil yang terkeji dan membersihkan diri daripada dosa.

Zakat menurut istilah syarak ialah: Memberikan harta yang tertentu (sebahagian dari nasab) kepada orang yang berhak menerimanya, dengan syarat-syarat yang tertentu.

Jelasnya, orang-orang yang mempunyai harta yang cukup nasabnya, wajib memberikan zakat mereka kepada fakir miskin dan orang-orang yang berhak menerimanya (yang termasuk dalam asnaf yang delapan).

Hukumnya dan Dalilnya

Zakat ialah salah satu rukun dari rukun-rukun Islam yang lima, dan menjadi fardu ain atas tiap-tiap seorang yang cukup syarat-syarat yang akan diterangkan kelak.

Zakat telah difardukan di dalam Islam dalam tahun yang kedua hijrah.

Dalil fardunya ialah al-Qur‘ān, al-Sunnah dan Ijmak. Dalilnya daripada al-Qur‘ān ialah firman Allah Ta‘ālā: “*Wa ātū al-zakāh*”, ertinya: “Dan berikanlah zakat”. Dalilnya daripada al-Sunnah pula ialah sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*: ((*Buniya al-Islāmu ‘alā khamsin*)), ertinya: “Islam itu dibina atas lima rukun”, lalu disebutkan salah satu dari rukun-rukun yang lima itu ialah “*‘Itā’i al-zakāh*” (mengeluarkan zakat).

Tentang Ijmak pula, maka telah sekata umat Islam: bahawa zakat itu salah satu rukun dari rukun-rukun Islam, dengan syarat-syarat yang tertentu.

Galakan Bagi Mengeluarkannya

Firman Allah Ta‘ālā: “*Khudh min amwālihim sadaqatan tuāhhiruhum wa tuzakkīhim bihā*”. Ertinya: “Ambillah daripada

harta mereka: sedekah, untuk membersihkan dan mensucikan mereka dengannya”. Yakni ambillah – hai Rasul – daripada harta orang-orang Islam, sedekah yang tertentu seperti zakat yang telah difardukan, atau sedekah yang tidak ditentukan, iaitu sedekah sunat “untuk membersihkan dan mensucikan mereka dengannya.” yakni membersihkan mereka daripada kekotoran perbuatan bakhil dan tamak, dan kekejian serta kekerasan terhadap fakir miskin yang menderita, dan lain-lain sifat-sifat terkeji yang berhubung dengannya. Demikian juga zakat itu dapat membersihkan jiwa mereka dan meninggikannya dengan limpahan kebaikan dan berkat pada akhlak dan amal perbuatan, sehingga dengan itu mereka akan menjadi orang-orang yang berjaya mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

Di dalam hadis pula – riwayat al-Ṭabrānī daripada Jābir bin ‘Abd Allāh *raḍiya Allāhu ‘anhu* katanya: Seorang lelaki telah bertanya ujarnya: Ya Rasulullah apa kata tentang seorang yang telah mengeluarkan zakat hartanya?

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* menjawab:

“*Man adā zakātu māluhu dhahaba ‘anhu sharruhu.*”

Ertinya: “Barangsiapa mengeluarkan zakat hartanya, lenyaplah daripadanya: kejahatannya”.

Amaran Bagi Orang Yang Enggan Membayar Zakat

Firman Allah Ta‘ālā: *Wa alladhīna yaknizūna al-dhahaba wa al-fiqḍata wa la yunfiqūnaha fī sabīli Allāhi fa bashshirhum bi ‘adhābin alīm, yawma yuḥmā ‘alayhā fī nāri jahannama fa tukwa bihā jibahuhum wa junūbuhum wa zuhūruhū hadhā ma kanaztum li anfusikum fa dhūqū ma kuntum taknizūn.*

Maksudnya “Dan orang-orang yang mengumpulkan emas dan perak dan tiada membelanjakannya pada jalan Allah, maka

khabarkanlah mereka dengan azab yang bersangatan sakitnya, iaitu hari emas dan perak itu dibakar dalam Neraka *Jahannam*, lalu diselar dengannya akan dahi-dahi mereka dan lambung-lambung mereka serta belakang mereka, (dengan dikatakan): Inilah yang kamu kumpul dan simpan untuk diri kamu (semata-mata), maka rasailah apa yang kamu telah kumpul dan simpan itu.”

Firman-Nya lagi: “*Wa la taḥsabanna alladhīna yabkhalūna bimā ātāhumu Allahu min faḍlihi huwa khayran lahum bal huwa sharrun lahum sayuṭawwafūna ma bakhilū bihi yawma al-qiyāmah.*”

Ertinya: “Dan janganlah kamu sangka orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah diberikan Allah kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya menjadi kebaikan bagi mereka (tidak), bahkan (harta kekayaan yang mereka bakhilkan zakatnya itu) menjadi penyiksaan bagi mereka, mereka akan dikalungkan dengannya (dengan harta kekayaan yang telah dileburkan menjadi kalung api) pada hari Kiamat kelak.”

Dalam hadis pula diterangkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* akan balasan seksa yang akan diterima oleh orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat hartanya:

Dalam hadis Bukhārī dan Muslim, bahawa Rasulullah bersabda:

“*Mā min ṣāḥibi kanzi yu ‘adī zakātahu al-uḥmā ‘alayhi fī nāri jahannama fa yaj ‘alu ṣafā’ih, fa tukwā bihā janbāhu wa jabhatihī ḥattā yaḥkumu Allāh bayna ‘ibādihī fī yawmin kāna miqdāruhu khamsīna alfun sanah, thumma yarā sabīluh, ammā ilā al-jannah, wa ammā ilā al-nār.....*”¹

Ertinya: “Tiada seseorang pun yang mempunyai simpanan harta benda yang tiada dikeluarkan zakatnya, melainkan hartanya itu akan dibakar dalam Neraka *Jahannam* dan (dilebur) menjadi berkeping-keping, kemudian diselar dengannya akan kedua

¹ Sanad asal tidak ditemui dan dipercayai bukan sanad asli sebaliknya ditulis berdasarkan kepada ingatan penulis artikel ini

lambungnya dan dahinya, sehingga Allah menghukum di antara hamba-hamba-Nya pada hari yang lanjut masanya lima puluh ribu tahun, kemudian akan diperlihatkan jalan yang akan dilaluinya: ke syurga atau ke neraka....”²

Hukum Orang Yang Enggan Mengeluarkan Zakat

Zakat, sebagaimana yang telah dijelaskan tadi, satu perkara yang telah ijmak umat Islam tentang wajibnya dan sudah masyhur sebagai satu perkara agama yang telah sedia diketahui ramai.

Barangsiapa ingkarkan wajibnya, maka orang itu dihukumkan murtad dan dikenakan hukuman bunuh, kecuali kalau ia baharu masuk Islam, maka ia diuzurkan, kerana jahilnya tentang hukum Islam.

Adapun orang yang enggan mengeluarkannya – sedang ia beriktikad akan wajibnya – maka ia berdosa kerana perbuatannya itu, dan tidak pula terkeluar daripada Islam. Pihak yang berkuasa berhak mengambil zakatnya dengan paksa dan dia dihukum takzir.

Kalau suatu kumpulan orang-orang Islam enggan membayar zakat – sedang mereka beriktikad akan wajibnya – mereka pula mempunyai kekuatan sekira-kira sukar ditundukkan dengan cara aman, maka pihak yang berkuasa Islam berhak memerangi mereka sehingga mereka tunduk memberikan zakat mereka sebagaimana yang diwajibkan oleh syarak.

Kejadian yang seperti ini pernah berlaku dalam zaman pemerintahan Saiyidina Abū Bakr al-Ṣiddīq, *raḍīya Allāhu ‘anhu*, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim dan lain-lainnya.

Syarat-syarat Wajib Zakat

Ada beberapa syarat-syarat yang mewajibkan zakat, di antaranya:

((jumhur baligh)) dan ((berakal)). Oleh erti kanak-kanak yang mempunyai harta dan orang gila tiadalah diwajibkan zakat atas mereka, tetapi wajib zakat atas harta tiap-tiap seorang daripada keduanya, dan wajib atas wali mereka mengeluarkannya – menurut mazhab Shāfi‘ī, Mālikī dan Ḥanbalī, kecuali Ḥanafī.

Menurut mazhab Ḥanafī: zakat tiada wajib pada harta kanak-kanak dan orang gila, dan wali mereka tiada tertuntut mengeluarkannya daripada harta keduanya, kerana zakat itu ialah ibadah semata-mata. Dalam pada itu diwajibkan pada harta keduanya denda-denda dan nafkah-nafkah kerana yang demikian itu hak manusia, dan juga diwajibkan zakat fitrah.

Adakah Zakat Itu Diwajibkan Atas Orang Kafir?

Di antara syarat-syarat yang mewajibkan zakat ialah Islam, oleh itu orang kafir tiada diwajibkan zakat atasnya, baik ia kafir asli atau murtad. Apabila orang murtad masuk Islam semula, maka ia tiada diwajibkan membayar zakat dalam masa ia murtad – menurut mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī (kecuali Mālikī yang menetapkan Islam menjadi syarat sah zakat, dan Shāfi‘ī yang mengenakan: orang murtad wajib membayar zakat – yang akan diterangkan keterangannya).

Sebagaimana Islam menjadi syarat yang mewajibkan zakat, maka ia juga menjadi syarat bagi sahnya, kerana zakat itu tidak sah melainkan dengan niat, sedang niat itu pula tidak sah daripada orang kafir – menurut Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī, kecuali Shāfi‘ī yang mengatakan niat itu sah daripada orang yang murtad dan kerana itu ia diwajibkan zakat.

Keterangannya menurut mazhab Shāfi‘ī seperti berikut:

Zakat itu wajib atas orang yang murtad, dan

² Hadis sebenar ialah: Sabda Rasulullah s.a.w: “Setiap pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan haknya maka pada hari kiamat dijadikan kepingan lalu dibakar dalam api neraka kemudian diselar rusuk dan belakang mereka; setiap kali kepingan itu menjadi sejuk ia kembali dibakar semula pada pada hari yang kadarnya bersamaan dengan lima puluh ribu (50,000) tahun sehingga ia dihukum di antara hamba-hamba Allah maka dilihat jalannya sama ada ke syurga atau ke neraka”. (Hadis riwayat Abu Hurairah)

wajibnya itu terhenti atas kembalinya memeluk Islam semula. Kalau ia kembali memeluk Islam maka nyatalah zakat itu wajib atasnya kerana hartanya masih berkekalan menjadi haknya dan ia tertuntut mengeluarkannya pada masa itu. Kalau pula ia telah mengeluarkan zakatnya dalam masa ia murtad maka sah zakat tersebut dan sah pula niatnya dalam hal yang seperti itu. Kalau pula ia mati dalam masa murtad, maka nyatalah bahawa hartanya telah terkeluar daripada miliknya lalu menjadi ((*fay'*)), dan dengan itu tiada diwajibkan zakat.

((*Fay'*)) ertinya: Kurnia Allah kepada umat Islam, yang akan disimpan dalam *Bayt al-Māl* dan dibelanjakan untuk kebajikan am umat Islam.

Nasab Zakat – dan Genap Masa Setahun

Disyaratkan bagi wajibnya zakat, hendaklah harta yang dimiliki itu genap satu nasab. Harta yang tidak cukup satu nasab tidak dikenakan zakat.

Nasab pada syarak ertinya: Sesuatu yang ditetapkan menjadi tanda bagi wajibnya zakat. Nasab itu pula berlain-lain keadaannya menurut jenis-jenis yang diwajibkan mengeluarkan zakatnya.

Masa genap setahun pula maksudnya: Tiada diwajibkan zakat melainkan setelah harta seseorang cukup nasabnya dan telah genap setahun dalam miliknya. Tahun yang dikira itu pula ialah tahun *qamariyyah* (tahun Islam yang menurut perjalanan bulan), iaitu banyak harinya: Tiga ratus lima puluh empat hari.

Masa genap setahun yang menjadi hubungan untuk mengeluarkan zakat telah dijelaskan oleh alim ulama empat mazhab seperti berikut.

Mazhab Ḥanafī – disyaratkan cukup nasab dalam

masa tahun itu berjalan, baik nasab itu kekal dalam keadaan cukup dalam masa perjalanan tahun itu atau tidak. Kalau orang itu memiliki nasab yang cukup pada permulaan tahun, kemudian berkekalan cukupnya sehingga genap setahun maka wajiblah zakatnya, kalau pula nasab itu kurang dalam masa tahun itu berjalan, kemudian cukup pada akhir tahun maka wajib juga dikeluarkan zakatnya. Tetapi kalau nasab itu berkurangan terus-menerus sehingga tamat masa tahun yang tersebut, maka tidak wajib zakatnya. Baringsiapa pula mempunyai harta yang cukup nasabnya dalam permulaan tahun, kemudian ia mendapat harta dalam tahun itu juga, hendaklah disatukannya dengan hartanya yang mula-mula, dan jumlah keduanya wajib dikeluarkan zakatnya kalau sudah cukup nasabnya dan harta yang mendatang tadi sejenis dengan harta yang menanti. Masa genap setahun itu disyaratkan hanya pada benda-benda yang lain daripada tanaman-tanaman dan buah-buahan, kerana zakat kedua-dua jenis yang akhir ini tidak disyaratkan yang demikian itu.

Mazhab Mālikī – genap masa setahun adalah menjadi syarat bagi wajibnya zakat dalam harta benda selain daripada tanaman-tanaman dan benda-benda galian (yang bukan emas dan perak), kerana jenis-jenis yang tersebut diwajibkan mengeluarkan zakatnya walaupun belum genap setahun, sebagaimana yang akan diterangkan kelak. Apabila seorang mempunyai emas dan perak yang cukup nasabnya pada permulaan tahun, kemudian kurang pada tahun itu, kemudian dia mendapat untung di dalamnya (emas dan perak) dengan keuntungan yang mencukupkan nasabnya pada akhir tahun maka wajiblah zakatnya. Kerana tahun keuntungan ialah tahun hartanya yang menjadi modal itu. Demikian juga,

kalau ia mempunyai emas dan perak yang tidak cukup nasabnya pada awal tahun, kemudian diperniagakannya lalu mendapat untung dengan keuntungan yang mencukupkan nasabnya pada akhir tahun itu, maka wajiblah ia mengeluarkan zakat keduanya (modal dan untung).

Mazhab Ḥanbali – disyaratkan bagi wajibnya zakat ialah genap setahun. Walaupun kurang setengah hari. Syarat ini hanya mengenai emas perak, bintang tenak dan barang-barang perniagaan. Kalau ia mempunyai harta yang tidak cukup nasabnya pada awal tahun, lalu diperniagakannya dan mendapat untung sehingga dapat mencukupkan nasab, maka tahun bagi – modal dan untung tadi – dikira dari masa cukup nasab, dan tidak dikenakan zakat melainkan setelah genap setahun dari hari cukup nasab yang tersebut. Tetapi apabila ia mempunyai harta yang cukup nasabnya pada awal tahun, lalu mendapat untung dengan harta yang sejenis dengannya setelah diperniagakan, maka hendaklah disatukannya dengan hartanya yang asal dan mengeluarkan zakat keduanya setelah hartanya yang asal itu genap setahun, kerana tahun keuntungan itu ialah tahun modal dan asalnya apabila harta asal itu cukup nasabnya.

Mazhab Shāfi‘ī – genap setahun adalah menjadi syarat bagi wajibnya zakat. Jika kurang barang satu *lahzah* maka tiada diwajibkan zakatnya. Genap setahun pula hanya disyaratkan bagi benda-benda yang lain daripada biji-bijian, benda-benda galian (selain daripada emas dan perak), dan keuntungan dari barang-barang perniagaan. Kerana keuntungan dari barang-barang perniagaan dizakatkan menurut masa genap setahun bagi modal asalnya, dengan syarat modal asal itu cukup satu nasab. Kalau modal

asal itu pula tidak cukup nasabnya kemudian cukup nasabnya setelah dicampurkan dengan keuntungan, maka tahunnya dikira dari masa modal itu cukup nasabnya. Kalau pula nasab itu cukup pada awal tahun, kemudian kurang dalam tahun itu, kemudian kembali cukup maka tidaklah dikenakan zakat, kecuali telah genap setahun dari hari nasab itu cukup.

Kemerdekaan dan Kebersihan Harta daripada Hutang

Disyaratkan bagi wajibnya zakat ialah kemerdekaan. Oleh itu seseorang hamba abdi tiada diwajibkan zakat atasnya alaupun ia hamba (*makātib*) (hamba yang membayar penebus dirinya kepada tuannya dengan beransur-ansur). Sebagaimana juga disyaratkan kebersihan harta yang hendak dizakatkan itu daripada hutang. Barangsiapa yang berhutang yang menenggelamkan nasab atau mengurangkannya, maka ia tidak diwajibkan zakat atasnya, (ada yang mengatakan wajib). Huraianya dalam empat mazhab seperti berikut:

Mazhab Shāfi‘ī – berkata: Tidak disyaratkan kebersihan harta daripada hutang. Barangsiapa yang berhutang, wajib zakat atasnya, sekalipun hutang itu menenggelamkan nasab.

Mazhab Ḥanafī – berkata: Dalam ini hutang itu terbahagi tiga: pertama, hendaklah ia hutang kepada manusia semata-mata, kedua hendaklah ia hutang kepada Allah Ta‘ālā, tetapi ada yang menuntutnya dari pihak manusia, seperti hutang zakat; dan yang menuntutnya dari pihak manusia, seperti hutang zakat; dan yang menuntutnya pula ialah imam (ketua pemerintahan) dalam harta-harta yang zahir, iaitu binatang-binatang ternak dan apa yang keluar dari bumi – atau naib imam dalam harta-harta yang batin, iaitu barang-barang perniagaan: seperti emas dan perak, sedang naib itu pula ialah tuan-tuan punya harta-harta itu sendiri, kerana

Saiyidina ‘Uthmān *radīya Allāhu ‘anhu*, lalu Saiyidina ‘Uthmān zakat batin itu telah dipungut oleh imam sehingga zaman menyerahkan urusan memungutnya kepada tuan-tuan punya harta-harta itu sendiri. Ketiga: hendaklah ia hutang kepada Allah semata-mata, tiada siapa-siapa yang berhak menuntutnya dari pihak manusia, seperti hutang-hutang kepada Allah Ta‘ālā yang bersih dari nazar-nazar dan kafarah, dan zakat fitrah, dan perbelanjaan mengerjakan haji. Adapun hutang yang menahan wajibnya zakat (yang menggugurkannya) ialah hutang bahagian yang pertama dan yang kedua. Selain daripada itu, apabila seorang mempunyai nasab zakat, kemudian setelah genap setahun ia tiada mengeluarkan zakatnya, kemudian genap setahun lagi, maka ia tidak wajib mengeluarkan zakatnya, kerana hutang zakat tahun yang pertama telah mengurangkan nasab yang diwajibkan zakat itu. Demikian juga kalau seseorang mempunyai harta, dan ia pula berhutang kepada seorang lain, tidak ada bezanya hutang itu: pinjaman, atau harga jualan, atau matawang, atau benda yang bersukat (gantang, cupak), atau benda yang bertimbang, atau haiwan, atau lainnya, maka hutang yang tersebut menahan wajibnya zakat (tidak mewajibkan) dalam segala jenis zakat, kecuali zakat tanaman-tanaman. Adapun bahagian yang ketiga maka tidaklah ia menahan wajibnya zakat.


Mazhab Mālikī – berkata: Barangsiapa yang berhutang dan hutangnya itu mengurangkan nasab, sedang ia tiada mempunyai sesuatu yang dapat membayarnya selain daripada harta yang dikenakan zakat dari harta yang diperlukannya, seperti rumah tempat tinggalnya, maka ia tiada diwajibkan zakat atasnya pada hartanya yang ada itu. Syarat ini khas bagi zakat emas dan perak kalau keduanya bukan daripada

benda-benda galian dan daripada ((*rikāz*)) (harta terpendam yang didapati). Adapun binatang-binatang ternak maka wajib dizakatkan, demikian juga benda-benda galian.

Mazhab Ḥanbalī – berkata: Tidak wajib zakat atas orang yang berhutang, yang hutangnya menenggelamkan nasab atau mengurangkannya, sekalipun hutang itu bukan dari jenis harta yang dizakatkan. Hutang juga menahan (menggugurkan) wajibnya zakat pada harta-harta batin: seperti matawang, harga barang-barang perniagaan dan benda-benda galian. Dan (menggugurkan juga wajibnya zakat) pada harta zahir: seperti binatang-binatang ternak, biji-bijian dan buah-buahan. Barangsiapa ada harta yang diwajibkan zakatnya, sedang ia menanggung hutang, maka hendaklah ia mengeluarkan daripada hartanya jumlah yang mencukupi untuk membayar hutangnya lebih dahulu, kemudian mengeluarkan zakat hartanya yang berbaki jika hartanya itu cukup nasab.

Bersambung.

(Dalam keluaran yang akan datang, akan dijelaskan dengan lebih lanjut, tentang jenis-jenis harta yang diwajibkan zakatnya).



SUDAH SIAP!

Buku2 tambahan bacaan dan untuk kutubkhanah sekolah rendah (darjah III & IV).

- | | | | | |
|-----------------------------------|-----|-----|-----|--------|
| (1) Kuching Hitam | ... | ... | ... | 30 sen |
| (2) Lutong Sakti (I) | ... | ... | ... | 35 “ |
| (3) Lutong Sakti (II) | ... | ... | ... | 35 “ |
| (4) Nakhoda dengan Datok Perpateh | ... | ... | ... | 30 “ |
| (5) Karun dan Harta-nya | ... | ... | ... | 40 “ |

Beli-lah di-kedai2 buku di-tempat tuan atau pesan terus kepada penerbit-nya:

QALAM

356 & 358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

